

02/12/1999

Penduduk Jengka pilih Pas tolak pembangunan

BANDAR JENGKA, Rabu - Sebahagian besar pemimpin masyarakat di kawasan Dewan Undangan Negeri Jengka menganggap sokongan yang diberikan kepada calon Pas dalam pilihan raya umum kali ini sebagai usaha menolak agenda pembangunan kerajaan.

Mereka kesal kerana ada kalangan pengundi yang masih mahukan kawasan mereka ditadbirkan pihak pembangkang yang pasti akan gagal membawa perubahan dan pembangunan sepatutnya.

Ketua Umno cawangan Bandar Jengka, Zakaria Omar, berkata kemenangan calon Pas di DUN Jengka, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man membayangkan ada orang di kawasan itu menolak pembangunan kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, pelbagai projek pembangunan diusahakan kerajaan Barisan Nasional (BN) sejak negara mencapai kemerdekaan membabitkan projek ekonomi, sosial dan budaya.

"Kekalahan calon BN, Datuk Zainal Hassan membuktikan majoriti penduduk tidak mahu agenda pembangunan diteruskan kerajaan serta tidak mempercayai kepimpinan negara sekarang.

"Oleh itu, tidak hairan jika kawasan ditadbirkan pihak pembangkang akan menghadapi masalah pada masa akan datang berbanding kawasan lain," katanya.

Ketua Umno cawangan Felda Jengka 15, Abd Bakar Hamid, berkata mereka yang memberi sokongan kepada parti pembangkang adalah golongan tidak berterima kasih.

Menurutnya, masyarakat seharusnya berterima kasih kepada kepimpinan sekarang dengan memberikan sokongan serta memilih pemerintah daripada calon BN.

Sebaliknya, ada orang membuat tanggapan pemimpin pembangkang juga mampu melaksanakan projek pembangunan seperti dilakukan kerajaan.

Bagaimanapun, beliau berkata, banyak contoh di kawasan pembangkang menghadapi kesulitan, termasuk kekurangan pembangunan untuk kesejahteraan rakyat.

Sementara itu, Ketua Umno Cawangan Felda Jengka 16, Ismail Abd Rahman, berkata pengundi yang memberikan sokongan kepada calon pembangkang disebabkan terikut ikut dengan rentak mereka.

Katanya, sudah sampai masanya pengundi bertindak matang dan memberi sepenuh kepercayaan kepada pimpinan kerajaan BN supaya agenda pembangunan tidak terbantut.

Dalam pilihan raya umum lalu, calon Pas, Tuan Ibrahim mengalahkan Zainal, bekas Exco Perpaduan dan Tugas-tugas Khas Pahang dengan majoriti 319 undi.

(END)